

## MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

BH - Bisnes – Isnin, 12 September 2016 (C)

# Tahap penyeliaan pelabur institusi dipertingkatkan



Rita Benoy  
Bushon

Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Pernantau  
Pemegang Saham Minoriti  
(MSWG), Rita Benoy Bushon

Pelancaran laporan "Pengawasan Pelabur dan Keutamaan Utama Masa Depan" oleh Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC) minggu lalu, menggariskan beberapa perkara penting yang akan dilaksanakan oleh IIC dalam tempoh lima tahun akan datang.

Saya yakin tahap pembabitan pelabur institusi dalam melaksanakan pemantauan seperti cara mereka menangani isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) syarikat pelabur masing-masing dan garis panduan pengundian membolehkan mereka menangani risiko dengan lebih baik selain memberikan pulangan yang mapan untuk syarikat berkenaan seterusnya ahlinya.

Pada masa keuntungan korporat semakin berkurangan akibat faktor ekonomi global

yang tidak menentu, sekarang adalah masa yang terbaik untuk meningkatkan tahap penyeliaan pelabur institusi dalam syarikat tersenarai di Malaysia.

### Peningkatan prestasi

Walaupun laporan berkenaan mengesahkan bahawa senarai awam, terutama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sudah menunjukkan peningkatan prestasi dan tadbir urus secara keseluruhan, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan contohnya meningkatkan kualiti kepimpinan, akauntabiliti dan ketelusan, termasuklah menambah lebih ramai pengarah profesional dalam lembaga pengarah.

Mengambil kira sumber kewangan yang besar, piawaian global dalam pematuhan dan tadbir urus, pengurusan

modal insan dan proses yang komprehensif, pelabur institusi adalah pemacu utama bagi penciptaan nilai yang akan dapat meningkatkan standard pasaran modal di negara.

Pada akhir tahun 2015, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); Permodalan Nasional Bhd (PNB); Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP; Lembaga Tabung Haji; Khazanah Nasional Bhd, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Aberdeen Asset Management yang juga ahli IIC mengurus dana berjumlah RM1.32 trilion.

Daripada jumlah itu, kira-kira satu pertiga dilaburkan dalam ekuiti awam tempatan.

Menerusi keahlian dalam IIC, badan berkenaan melaksanakan penyeliaan mengikut gari panduan Kod sebagai dasar termasuk

pembabitan aktif dalam syarikat pelabur serta memberi perhatian kepada aspek prestasi, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam pelaburan mereka.

**Wujud ekosistem yang baik**  
Kami percaya tindakan ini adalah petanda baik bagi pasaran modal dalam usaha ke arah meningkatkan disiplin pasaran.

Sejajar dengan pembangunan pasaran modal yang semakin matang, IIC perlu memainkan peranan penting dalam mewakili kepentingan bukan saja pelabur institusi, malah komuniti pelabur secara amnya di Malaysia.

Semua pihak, termasuk negara hanya akan dapat menikmati manfaat sekiranya satu ekosistem yang baik yang dapat memberikan kebaikan bersama diwujudkan.